

07 OCT 1996

Mahathir-Pulau

MALAYSIA ANGGAP ISU SIPADAN/LIGITAN SELESAI, KATA PM

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini isu pertindihan tuntutan antara Malaysia dan Indonesia terhadap kepulauan Sipadan dan Ligitan sudah selesai dan Malaysia akan menerima sebarang keputusan oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) mengenainya.

Beliau berkata jikapun keputusan mahkamah itu memihak kepada Indonesia, maka Kuala Lumpur akan menerimanya.

"Saya fikir apa juga keputusan sama ada ia menguntungkan Malaysia atau Indonesia, itu tidak menjadi soal kerana kita telah bersetuju untuk menerima keputusan (ICJ)," kata beliau kepada pemberita selepas mengucapkan selamat jalan kepada Presiden Suharto di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang.

Presiden Indonesia itu tiba di sini semalam untuk melakukan lawatan kerja dua hari.

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditanya wartawan Indonesia mengenai tindakan Malaysia jika misalnya mahkamah itu membuat keputusan bahawa kedua-dua pulau itu yang terletak di luar pantai timur negeri Sabah, adalah milik Indonesia.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi sebelum ini berkata Malaysia dan Indonesia telah memutuskan untuk menyelesaikan isu berkaitan kedua-dua pulau itu yang berlarutan selama 27 tahun dengan merujuknya kepada ICJ bagi membuat keputusan.

Keputusan itu dibuat pada mesyuarat antara Dr Mahathir dan Suharto di Jabatan Perdana Menteri pagi tadi.

Perdana Menteri juga berkata hubungan Kuala Lumpur-Jakarta tidak akan terganggu jika ICJ membuat keputusan bahawa kedua-dua pulau itu milik Indonesia.

"Yang pentingnya, kita harus kekalkan hubungan baik antara Indonesia dan Malaysia," kata beliau.

Dr Mahathir berkata walaupun keputusan muktamad mengenai isu itu belum dicapai, Malaysia dan Indonesia telah bersetuju mengenai cara kedua-dua negara itu perlu menanganinya iaitu dengan merujuknya kepada ICJ.

Beliau berkata kedua-dua negara kini perlu menyediakan dokumentasi untuk dikemukakan kepada ICJ bagi menyokong tuntutan masing-masing.

Kepada satu soalan, Dr Mahathir berkata Malaysia akan membuka ladang-ladang kelapa sawit di bahagian timur Indonesia.

Mengenai lawatan Suharto, Perdana Menteri berkata beliau berpendapat lawatan Presiden Indonesia itu "amat baik, berhasil dan kita dapat berbincang bukan sahaja mengenai masalah dua-hala tetapi juga masalah antarabangsa dan Asean".

-- BERNAMA

ES NMO